

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

[AKTA 172]

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM) NEGERI PERAK (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 58 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri Perak membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) Negeri Perak (Pindaan) 2019.

(2) Kaedah-kaedah ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Pindaan kaedah 23

2. Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) Negeri Perak 2010 [*Pk.P.U.55/2010*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 23, dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “Cadangan”.

Kaedah baharu 23A

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 23 dengan kaedah yang berikut:

“ Sumbangan tanah lapang

23A.(1) Kadar sumbangan tanah lapang hendaklah seperti yang dinyatakan di Jadual Ketujuh A.

(2) Tawaran sumbangan hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan dalam Borang A, Jadual Ketujuh A.”.

Pindaan Jadual Ketujuh

4. Jadual Ketujuh Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan tajuk “Cadangan Kadar Sumbangan Tempat Parkir” kepada “Kadar Sumbangan Tempat Parkir”.

Jadual Ketujuh A baharu

5. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Ketujuh, Jadual yang berikut:

“JADUAL KETUJUH A

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI PERAK (PINDAAN) 2019

KADAR SUMBANGAN TANAH LAPANG

[subkaedah 23A(1)]

MENGIKUT

PERENGGAN 58(2)(j) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

A) Kadar Sumbangan = Kos alatan permainan + 3% x luas tanah lapang x nilai asas

B) Kadar Sumbangan Tanah Lapang dikira berdasarkan :

- a) Kos alatan permainan : pada kiraan RM15,000 (dikaji semula setiap lima (5) tahun bagi mengikut penilaian tahun semasa).
- b) 3% keluasan tanah lapang yang perlu disediakan bagi pembangunan skim perumahan bertanah dua (2) ekar ke bawah.
- c) Luas tanah lapang : keluasan tanah lapang secara sukarela dibayar bagi menggantikan keluasan tapak secara fizikal.
- d) Nilai asas : nilai pasaran tanah siap ditambun.

C) Pengecualian :

Pengecualian sumbangan tanah lapang hanya dibenarkan bagi pembangunan perumahan sedia wujud tanpa kebenaran melalui proses pecah sempadan yang bukan bertujuan untuk keuntungan serta pecah bahagi untuk keluarga.

D) Syarat-syarat :

- a) Tanah lapang bagi cadangan pemajuan yang dikemukakan telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan sebagai tidak sesuai untuk perluasan atau cantuman dengan lot bersebelahan.
- b) Pemohon diberi alternatif untuk menaik taraf tanah lapang sedia ada yang berhampiran dan bersamaan dengan nilai sumbangan tanah lapang yang dikenakan.
- c) Kadar nilai tanah ditentukan oleh penilai berdaftar Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.
- d) Bayaran perlu dijelaskan tanpa ansuran sebelum Borang C (1) dikeluarkan.
- e) Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah memastikan segala wang sumbangan tanah lapang yang terkumpul ditabungkan ke akaun amanah tanah lapang dan digunakan untuk tujuan menaik taraf tanah lapang sedia ada yang berhampiran atau kawasan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

JADUAL KETUJUH A

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)
NEGERI PERAK (PINDAAN) 2019

BORANG A

TAWARAN SUMBANGAN TANAH LAPANG

[subkaedah 23A(2)]

MENGIKUT

PERENGGAN 58(2)(j) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

Kepada *Majlis Bandaraya/*Majlis

Perbandaran/*Majlis Daerah

.....
.....
.....

SAYA/Kami*
(Pemohon Kebenaran Merancang)

..... beralamat

.....,

KP No./No. Pendaftaran Syarikat dengan ini menawarkan

sumbangan tanah lapang bagi cadangan pemajuan Lot No

..... dalam Mukim/Bandar

Daerah bagi menggantikan tanah lapang
seluas yang tidak dapat disediakan secara
fizikal kepada dengan
harga RM (Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)
sekaki persegi.

Tawaran pembayaran ini adalah berjumlah RM dan ianya
ditawarkan tanpa keraguan.

Tarikh:
.....
(Tandatangan Pemohon)

**Potong mana yang tidak berkenaan*.*

Dibuat 2019
[JPBD.Pk.8/AKTA/1004 JLD.4; PU.PK 44/80(vii)]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan